



(2) dlm. YS/HEP/006/003/DPYS-2021

Merakyatkan Pendidikan Selangor

1 November 2021

Pihak yang berkenaan.

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

JEMPUTAN KE PERTANDINGAN DEBAT & PIDATO YAYASAN SELANGOR KALI KE-12 (DALAM TALIAN) TAHUN 2021.

Merujuk kepada perkara di atas, Yayasan Selangor dengan hormatnya ingin menjemput sekolah YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menyertai Pertandingan Debat & Pidato Yayasan Selangor Kali Ke-12 (Dalam Talian) Tahun 2021. Maklumat pertandingan adalah seperti berikut:

1. Tarikh Pertandingan

Tarikh : 27 & 28 November 2021 (Pusingan Awal)
4 Disember 2021 (Pusingan Akhir)

Platform : Dalam Talian (akan dimaklumkan)

2. Kategori dan Format

Pertandingan ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu Debat Bahasa Melayu, Pidato Bahasa Melayu dan Pidato Bahasa Inggeris.

i. Debat Bahasa Melayu

Setiap pasukan diwakili 4 orang peserta. Pertandingan ini menggunakan format Debat Ala Parlimen Malaysia yang mengaplikasikan sistem 'power match' berkumpulan. Setiap pasukan berpeluang berdebat sekurang-kurangnya lima kali pada pusingan awal. Pusingan suku akhir, separuh akhir dan akhir akan diadakan secara menentang mara. **Usul pertandingan akan diberikan 2 minggu sebelum pertandingan.**

ii. Pidato Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Pertandingan ini mempunyai dua kategori iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Pusingan awal ialah pusingan pidato teks yang mana peminato akan berucap selama 7 minit. Tajuk pidato berdasarkan tema yang akan diberikan 2 minggu sebelum pertandingan. 5 peminato terbaik setiap kategori akan layak ke pusingan akhir (2 pusingan – pidato teks dan pidato spontan iaitu soalan hakim tentang isu-isu yang berkaitan dengan tajuk pidato teks peserta).

3. Yuran

Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM 200.00 bagi setiap pasukan debat dan RM 50.00 bagi setiap peserta pidato**. Pembayaran boleh dilakukan bersama-sama pengesahan penyertaan peserta. Pembayaran boleh dibuat melalui :

'Bank-in' ke akaun **AMBANK**
Nama Akaun : **YAYASAN SELANGOR**
No. Akaun : **0912012000329**

Pengesahan peserta dan pengesahan pembayaran perlu dimaklumkan di dalam link yang diberi: <https://forms.gle/C67b8SdshV2bbr9U8>

4. Maklumat Lanjut dan Pertanyaan


Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, pihak Ybhg.Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi:

- | | | | |
|------|-------------------------------|---|--|
| i. | Ibu Pejabat Yayasan Selangor | : | 03-76691211 (En. Haziq)
03-76691141 (En. Nazrin) |
| ii. | Email rasmi debat | : | debatys@yselangor.com
dpyselangor@gmail.com |
| iii. | En. Adam Danial Bin Hafiz Goh | : | 011-10025045 |

Yayasan Selangor amat mengalu-alukan penyertaan sekolah YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam pertandingan ini. Kerjasama dan sokongan yang diberikan sangat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"PENDIDIKAN UNGGUL ; MENGUPAYA INSAN, MEREALISASI WAWASAN"
"SELANGOR MAJU BERSAMA"

Bagi pihak,
YAYASAN SELANGOR


ROSMARIA HANIFFA BINTI MAAROF
Pengurus Hal Ehwal Pelajar